

**Tindakan Khairul Azwan adalah tindakan peribadi – Perdana Menteri
Astro Awani
Julai 29, 2016
Hafiz Marzukhi**

KUALA LUMPUR: Tindakan Naib Ketua Pemuda UMNO [Khairul Azwan Harun untuk membuat laporan polis](#) adalah tindakan peribadi bukannya parti.

Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sebagai individu, Khairul Azwan punyai hak untuk membuat laporan polis.

"Beliau ada hak sekiranya beliau merasakan ada perkara yang perlu disiasat.

"Saya percaya pihak polis akan menelitinya," jelas Datuk Seri Najib dalam satu sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Pada Jumaat, polis telah mengambil keterangan berhubung laporan polis dibuatnya mengenai dakwaan wujud konspirasi pihak tertentu untuk menggulingkan Perdana Menteri dan kerajaan Malaysia.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata kepada Bernama, keterangan Khairul Azwan diambil di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pagi Jumaat dan siasatan masih diteruskan berhubung perkara berkenaan.

Tag: [Khairul Azwan Harun](#), [Azwan Bro](#), [Najib Razak](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-khairul-azwan-adalah-tindakan-peribadi-perdana-menteri-112448>